



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	4/8/2018	MUKA SURAT	:	72
JABATAN	:	JTLM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

# 'HIDUPKAN' TERUMBU KARANG

■ **Tukun tiruan pelihara biodiversiti spesies marin dan rezeki nelayan terjaga**

Kandau Sidi  
cnews@nstp.com.my

Miri

Lebih 1,500 nelayan tempatan beroperasi sekitar perairan Miri dan Sibuti di wilayah utara Bumi Kenyalang ini menikmati manfaat besar daripada pelaksanaan program menempatkan tukun tiruan bertujuan melindungi serta memulihara hidupan marin.

Usaha diterajui kerajaan Sarawak menerusi kerjasama Sarawak Forestry Corporation (SFC) dan PETRONAS secara tidak langsung memberi impak positif kepada sosioekonomi negeri bagi tempoh jangka panjang.

Inisiatif itu bukan saja memberikan manfaat kepada nelayan kerana jumlah tangkapan selepas ini dijangka meningkat sebaliknya turut membuka peluang untuk pemain dalam industri pelancongan.

Jurucakap SFC menjelaskan kerjasama itu platform terbaik ke arah meningkatkan aspek pemuliharaan khazanah laut bagi tempoh jangka panjang, sekali gus membantu meningkatkan

lagi jumlah pendapatan nelayan.

"Program ini juga mampu merangsang ekonomi negeri kerana peluang untuk sektor ekopelancongan berkembang amat luas. Banyak aktiviti boleh dijalankan seperti menyelam dan pertandingan memancing.

"Memang ada keperluan mendesak untuk menempatkan tukun tiruan di perairan berkenaan kerana ia mampu menarik kunjungan lebih ramai pelancong khususnya yang meminati aktiviti menyelam.

"Selepas ini mereka bakal menikmati keindahan pemandangan alam bawah laut di lokasi baru di Sarawak," katanya.

Menurutnya, fasa pertama Projek Konservasi Eko-Marin SFC - PETRONAS dilancarkan tahun lalu membabitkan inisiatif menempatkan tukun tiruan Reef Balls di dasar laut dikenali sebagai Kompleks Tukun Sibuti di Perairan Kuala Sibuti.

Projek itu membabitkan

keluasan 12,200 hektar, dengan lokasi terletak lima batu nautika dari Kuala Sibuti yang juga sebahagian daripada Taman Negara Marin Miri Sibuti.

"Perairan itu kaya dengan terumbu karang yang menjadi habitat pembiakan pelbagai spesies hidupan marin. Secara keseluruhan kawasan terbabit seluas

186,930 hektar persegi dan diwartakan sebagai kawasan terlindung sepenuhnya (PFA) oleh Kerajaan Sarawak," katanya.

Beliau berkata, inisiatif itu akan dilaksanakan sehingga tahun depan, dengan komitmen PETRONAS dalam menyediakan peruntukan bagi membiayai projek berkenaan.

Manakala kerjasama SFC lebih membabitkan aspek bantuan teknikal, selain sokongan program pembangunan dan penyelidikan (R&D).

"Mengikut perancangan projek, kami akan menempatkan sehingga 1,800 tukun tiruan. Kami sasarkan untuk menempatkan 550 tukun tiruan setahun sehingga tahun depan," katanya.

## Bendung nelayan asing ceroboh

**Miri:** Menempatkan tukun tiruan di Taman Marin Miri - Sibuti sejak tahun lalu bukan hanya membantu usaha pemuliharaan kepelbagaian sumber marin dan khazanah laut di kawasan berkenaan.

Sebaliknya inisiatif itu turut disifatkan sebagai kaedah terbaik dalam usaha mengurangkan lagi pencero-bohan nelayan asing di perairan negara.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Miri, Jamali Basri berkata, kerana tukun tiruan jenis Reef Balls bukan setakat melindungi terumbu karang, sebaliknya boleh merosakkan jenis pukat tertentu kerap digunakan nelayan asing.

"Semua ini bertujuan memulihara khazanah laut kita, terutama dalam meningkatkan lagi jumlah ikan di perairan berkenaan.

"Bila jumlah pem-

biakan meningkat hasil tangkapan juga tinggi, jadi nelayan tempatan akan mendapat keuntungan lebih lumayan berbanding sebelum ini," katanya.

Jamali berkata, inisiatif dilaksanakan SFC dan PETRONAS mendapat sokongan penuh daripada PNK yang mewakili komuniti nelayan tempatan.

Katanya, tukun tiruan berkenaan seberat tiga tan dan membabitkan kos RM3,000 setiap satu.

"Nelayan tempatan turut menyambut baik perancangan untuk menempatkan tukun tiruan di sepanjang pantai negeri ini yang dianggarkan sepanjang 1,000 kilometer.

"Bukan setakat bantu meningkatkan ekonomi kami sebaliknya, mengekang aktiviti menangkap ikan di jalankan nelayan asing," katanya.

Menurutnya, projek menanam tukun tiruan itu secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan dan masa depan komuniti nelayan tempatan.

“

Program ini juga mampu merangsang ekonomi negeri kerana peluang untuk sektor ekopelancongan berkembang amat luas. Banyak aktiviti boleh dijalankan seperti menyelam dan pertandingan memancing”

Jurucakap SFC

